

# Weir ShareBuilder

BEKERJASAMA DEMI KEJAYAAN KITA BERSAMA



## Mengakses EquatePlus: Petua untuk Peserta ShareBuilder

### Kandungan:

- S1.** Sebelum ini saya telah mendaftar dengan EquatePlus tetapi saya lupa maklumat log masuk saya – apakah yang perlu saya lakukan?
- S2.** Saya belum pernah mendaftar dengan EquatePlus – apakah yang perlu saya lakukan?
- S3.** Maklumat saya tidak dikenali apabila saya cuba menggunakan kemudahan "Forgot User ID" (Lupa ID Pengguna) – apakah yang perlu saya lakukan?
- S4.** Apakah yang saya perlukan untuk menyelesaikan penyediaan akaun EquatePlus semasa log masuk pertama?
- S5.** Apakah bahasa yang boleh saya gunakan untuk melihat sistem?
- S6.** Apakah yang akan saya lihat apabila melengkapkan pendaftaran dan log masuk ke akaun saya?
- S7.** Siapakah yang boleh saya hubungi untuk mendapatkan bantuan lanjut?

### S1. Sebelum ini saya telah mendaftar dengan EquatePlus tetapi saya lupa maklumat log masuk saya – apakah yang perlu saya lakukan?

ID Pengguna dan kata laluan anda boleh diperolehi kembali dengan melayari [www.equateplus.com](http://www.equateplus.com) dan ikut pautan "Forgot User ID" (Lupa ID Pengguna) dan "Forgot password" (Lupa kata laluan).

The screenshot shows the EquatePlus login interface. At the top, the logo 'EQUATEPLUS' is displayed. To the right of the logo are links for 'Help' and 'English'. Below this is a login form with a text input field labeled 'User ID' and a green 'CONTINUE' button. A yellow link labeled 'Forgot User ID?' is positioned below the input field.

Ikut arahan pada skrin untuk menghasilkan e-mel yang akan dihantar ke alamat e-mel pilihan anda\* dengan peringatan tentang maklumat log masuk anda dan arahan lebih lanjut untuk log masuk ke sistem.

\*Sila gunakan alamat e-mel yang berkaitan dengan akaun anda. Ini merupakan alamat yang akan anda terima e-mel daripada EquatePlus. Jika anda log masuk untuk kali pertama, ini merupakan alamat e-mel Weir anda.


Jika anda telah memberikan nombor telefon keselamatan pada EquatePlus, anda akan dihantari kod pengesahan melalui mesej teks. Selepas anda memasukkan kod tersebut pada skrin, anda boleh menetapkan kata laluan baharu dan meneruskan log masuk anda.

**Harap maklum: Jika anda log masuk menggunakan alamat e-mel @mail.weir anda, anda masih boleh mengakses terus EquatePlus tanpa memerlukan ID Pengguna atau kata laluan anda melalui penggunaan daftar masuk tunggal daripada rangkaian Weir dengan mengklik [pautan berikut](#).**


## S2. Saya belum pernah mendaftar dengan EquatePlus – apakah yang perlu saya lakukan?

Bagi anda yang belum menerima komunikasi EquatePlus, atau bagi mereka yang tidak mendaftar selepas komunikasi awal daripada sistem, anda boleh memulakan proses pendaftaran dengan melayari [www.equateplus.com](http://www.equateplus.com) dan ikut sahaja proses yang sama bagi mereka yang telah lupa ID Pengguna mereka, walaupun anda tidak pernah menerimanya.

Hanya klik pada pautan "Forgot User ID" (Lupa ID Pengguna) dan lengkapkan arahan pada skrin.



Sila gunakan alamat e-mel Weir anda untuk mendaftar\*, dan tarikh lahir anda.




**ID Pengguna unik** anda akan dihantar melalui e-mel ke alamat e-mel Weir anda disertai arahan log masuk selanjutnya.

\*Selepas anda mendaftar, anda boleh mengemas kini profil anda dalam EquatePlus untuk menyatakan bahawa alamat e-mel pilihan anda ialah alamat e-mel peribadi.

### S3. Maklumat saya tidak dikenali apabila saya cuba menggunakan kemudahan "Forgot User ID" (Lupa ID Pengguna) – apakah yang perlu saya lakukan?

Jika anda melihat skrin di bawah menyatakan "Maklumat ini tidak sepadan dengan sebarang maklumat dalam fail di EquatePlus", hal ini menunjukkan bahawa sama ada data anda yang ada pada kami itu tidak betul, atau anda tidak mempunyai anugerah ShareBuilder pada masa ini.



The screenshot shows the EquatePlus login interface. At the top, the logo 'EQUATEPLUS' is displayed. Below it, there are links for 'Help' and 'English'. A red-bordered error message box contains the text: "This does not match any information on file in EquatePlus." Below the error message, the user is prompted to "Please identify yourself". The form includes an "Email" input field, a dropdown menu for "Which email address should I enter?", and a "Date of Birth" field with dropdowns for day (01), month (Jan), and year (1910). At the bottom of the form, there are two buttons: "BACK" and "REQUEST USER ID".

Jika anda yakin bahawa anda memang menerima satu anugerah, atau sepatutnya menerima anugerah, sila e-mel kepada [shareplans@mail.weir](mailto:shareplans@mail.weir) dengan menyertakan maklumat anda termasuk nama penuh dan tarikh lahir anda. Kami akan meneliti perkara ini untuk anda.

### S4. Apakah yang perlu saya lakukan untuk menyediakan akaun EquatePlus saya semasa log masuk pertama?

Sebagai sebuah institusi kewangan yang berperaturan, Computershare harus mematuhi undang-undang cukai antarabangsa, termasuk keperluan untuk Pematuhan Cukai Akaun Asing (FATCA), yang dilaksanakan oleh Perkhidmatan Hasil Dalam Negeri AS, dan Standard Pelaporan Bersama (CRS), yang dilaksanakan di lebih daripada 97 buah negara. Hal ini bermaksud bahawa ComputerShare dikehendaki oleh undang-undang untuk meminta semua peserta dalam pelan saham supaya memberikan maklumat berkaitan dengan status cukai mereka melalui proses pengesahan sendiri. Sila rujuk [di sini](#) untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang keperluan FATCA dan CRS.


Untuk membuat penyediaan dan log masuk ke akaun EquatePlus anda, anda mesti melengkapkan pengesahan sendiri anda. Dalam kebanyakan kes, anda akan diminta memberikan:

- Nama penuh anda
- Alamat kediaman tetap anda
- Tarikh dan negara kelahiran
- Butiran kewarganegaraan anda
- Negara mastautin cukai
- Nombor Pengenalan Cukai (sila rujuk [di sini](#) untuk negara anda)

Sila pastikan anda menyediakan semua maklumat yang berkaitan untuk mempercepatkan log masuk ke akaun EquatePlus anda.

## S5. Apakah bahasa yang boleh saya gunakan untuk melihat sistem?


Anda boleh memilih bahasa pilihan anda semasa log masuk ke EquatePlus. Portal ini menawarkan pilihan bahasa automatik iaitu termasuk bahasa Portugis Brazil, Belanda, Inggeris, Perancis, Jerman, Itali, Cina Ringkas dan Sepanyol.



## S6. Apakah yang akan saya lihat apabila melengkapkan pendaftaran dan log masuk ke akaun saya?


Setelah log masuk, portal EquatePlus membenarkan anda:

- Lihat anugerah ShareBuilder anda.
- Urus saham terletak hak anda dalam talian.
- Lihat dokumentasi lain yang berkaitan dengan saham anda.



Weir ShareBuilder	
Estimated gross value	
<b>TOTAL</b>	
18 restricted stock units	<b>£ 341.19</b>
<b>LOCKED</b>	
18 restricted stock units	<b>£ 341.19</b>
<b>AVAILABLE</b>	
0	<b>£ 0.00</b>

[Plan details](#)



TOTAL		LOCKED		
£ 341.19	18 restricted stock units	£ 341.19	18 restricted stock units	
<b>LOCKED</b>				
<b>Restricted Stock Units</b>				
WEIR GROUP ORD SHARE				
Quantity	Estimated value			
18	£ 341.19			
Market price £ 18.955 as of Jun 8, 2021 (London Stock Exchange)				
Plan	Allocation date	Available from	Quantity	Estimated value
Weir ShareBuilder	Nov 19, 2020	Nov 19, 2022	18	£ 341.19
Total			18	£ 341.19

**CONTOH SAHAJA:** Gambar menunjukkan contoh tangkapan skrin semasa anda log masuk ke EquatePlus. Perhatikan bahawa anggaran nilai akan berbeza-beza mengikut harga saham semasa Weir Group dan mata wang akan berbeza-beza bergantung pada pilihan yang anda tetapkan semasa kali pertama anda log masuk ke EquatePlus.

Anda juga akan dapat menggunakan portal untuk melihat sebarang anugerah tambahan yang mungkin anda dapat pada masa akan datang.

## S7. Siakah yang boleh saya hubungi untuk mendapatkan bantuan lanjut?

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lain, sila hubungi pasukan Weir Share Plans: [shareplans@mail.weir](mailto:shareplans@mail.weir)